

PM tidak mahu rakyat terlalu

14 AUG 1990

leka.

AL-MUKTAFI BILLAH SHAH,
Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, Kerajaan tidak akan membelanjakan kekayaan negara, terutama hasil petroleumnya, semata-mata untuk memancing undi rakyat dan menjadi popular.

Menurut Perdana Menteri, tindakan memberikan kekayaan kepada rakyat tanpa menggalakkan mereka berfikir dan berusaha sendiri, ternyata memberi kesan buruk kepada sesebuah negara.

"Jika kerajaan memberi duit sahaja kepada rakyat sehingga mereka tidak melakukan sebarang usaha dan kerja, rakyat tidak lagi boleh berfikir kerana terlalu leka dengan kesenangan.

"Itulah sebabnya kerajaan tidak mahu berbuat demikian. Kita tidak mahu rakyat tidur. Sebaliknya kita mahu rakyat merasai sedikit penderitaan, barulah mereka tahu menggapai nikmat.

"Kita tidak boleh terlalu senang tetapi mesti sanggup menghadapi cubaan dan dugaan," katanya sewaktu merasmikan perayaan Hari Penerimaan Kebangsaan 1990 di sini hari ini.

Menjadikan Kuwait sebagai contoh sebuah negara yang kaya dengan hasil minyak, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu mengikuti langkah negara yang kaya dengan hasil minyak dan menyediakan terlalu banyak perkhidmatan percuma kepada rakyat.

"Sesetengah negara kaya memberi duit kepada rakyat tanpa meminta mereka berusaha sehingga tidak ada yang mahu menjadi tentera," katanya.